

KESENIAN TRADISIONAL – RANDAI

oleh Norzaiti bte Ujang (PPK, JKBS(Negeri Sembilan)).

1. Pengenalan:

- 1.1 **Kebudayaan (1)** itu ialah keseluruhan cara hidup yang merangkumi segala aspek kehidupan atau segala aktiviti yang dilakukan oleh anggota-anggota masyarakat samada yang berbentuk material atau pun non-material. Kebudayaan itu mencakupi empat bidang iaitu **pertamanya pemikiran (Ideas)** seperti Kesusasteraan, kepercayaan, keagamaan, Metos, Legenda, Folklore (Tradisi Lisan), kebenaran, pemikiran saintifik dan lain-lain, **keduanya Nilai dan Norma** masyarakat seperti undang-undang, Adat Istiadat, Pantang Larang, Perayaan, peraturan dan lain-lain, **ketiganya kebendaan** seperti peralatan, senibina, senjata, abject d' art, Perabot, Perubatan, Pakaian dan Perhiasan dan **keempatnya kesenian** seperti pertukangan dan kraftangan, drama/teater, tarian, muzik dan nyanyian seni hias, seni silat dan seni ukir.
- 1.2 **Kesenian** itu ialah Seni yang meliputi seluruh yang dapat menimbulkan getaran rasa kalbu keindahan. Seni dicipta untuk melahirkan gelombang kalbu rasa manusia. **Sidi Gazalba** pula memberi pengertian mengenai seni sebagai meliputi segala penjelmaan rasa keindahan dan rasa keterharuan khususnya untuk kesejahteraan hidup (2). Berdasarkan beberapa pengertian mengenai seni, dapat dibuat rumusan bahawa seni atau kesenian adalah manifestasi dari perasaan manusia, secara individu atau kolektif yang bersifat keindahan dan menggetarkan jiwa. Jelaslah bahawa seni bertolak dari perasaan dan bukan dari fikiran.

2. Pengertian Randai

- 2.1 **Randai** adalah perkataan Minangkabau yang membawa erti 'mengarung' atau 'melingkari'. Menurut Encik Buyong Adam atau lebih dikenali dengan nama Pak Buyong, Randai membawa pengertian yang mendalam sekali dalam masyarakat Minangkabau. Ia hanya bertujuan menyusun sahabat handai untuk sepakat bergotong-royong membantu sahabat atau saudara yang ditimpa kesusahan. Oleh sebab itu Randai sentiasa dimainkan dalam bulatan sesuai dengan kata pepatah:

1. **Kebudayaan** makna dari buku *Dasar Kebudayaan Kebangsaan* oleh Encik A. Aziz Deraman KKBS, Kuala Lumpur (1973).
2. **Sidi Gazalba Masyarakat Islam** (Kuala Lumpur Pustaka Antara). hal. 21.

Bulat air kerana pemetong
Bulat manusi kerana muafakat.

Sepakat atau sebulat hati melambangkan perpaduan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Minangkabau, sesuai dengan kenyataan Pak Buyong bahawa Randai membawa erti sepakat atau bergotong-royong membantu saudara atau sahabat dalam kesusahan.

3. Asal Usul Randai

- 3.1 Menurut Pak Buyong, Randai bermula dari satu peristiwa malang yang menimpa seorang penduduk di sebuah kampung di dalam Minangkabau. Simalang itu seorang lelaki yang telah kehilangan suatu barang kesayangannya. Lantaran itu membuatkan ia begitu sedih sekali, hidup menderita tidak sempurna makan dan minum. Keadaan simalang itu mendapat perhatian dari penduduk-penduduk kampung yang telah sama melahirkan rasa simpati mereka. Pada suatu hari penduduk-penduduk kampung telah sepakat sama-sama berusaha mencari barang yang hilang itu Mereka telah berkumpul di tempat barang yang hilang dengan membuat bulatan dan mula mencari barang itu untuk beberapa ketika dengan cara mengecilkan bulatan perlahan-lahan. Sekiranya tidak ditemui barang tersebut di tempat yang dibuat bulatan yang pertama, bulatan akan dipindahkan pada ketempat lain, sehingga barang tersebut diperolehi.
- 3.2 Cara yang sama kemudiannya telah diteruskan apabila berlaku kehilangan barang-barang seperti cincin, anting-anting ditempat yang luas seperti di padang atau halaman rumah. Perlakuan ini telah mendapat perhatian 'pandai akal' dan lantaran itu mereka (pandai akal) mencipta berbagai cara untuk mengekalkan perlakuan tersebut dan lahirilah permainan yang dikenali sebagai 'Randai'. Oleh itu para 'pandai akal' telah bersependapat bahawa Randai dilahirkan kerana kebijaksanaan mereka. Justeru itu didapati persembahan Randai ditarikan mengikut langkah Silat dan setiap langkah mengandungi makna-makna tertentu. (3).
- 3.3 Sungguhpun begitu Randai dapat dikatakan bermula dari cabang kesenian Minangkabau yang terkenal iaitu 'Kaba'. 'Kaba' atau 'Ba-ka-ba' iaitu bercerita atau berdendang. Pada mulanya Kaba didendangkan oleh seorang penutur sahaja, kemudian berkembang menjadi dua dan tiga penutur dan selanjutnya didapati semua pemain-pemain menyanyikan bersama. Pemain-pemain duduk membentuk lingkaran dan nyanyian bersakut-sakutan dan sambung-menyambung kisah yang diceritakan. Persembahan diakhiri dengan menyanyi beramai-ramai.

4. Fungsi Randai.

- 4.1 Persembahan Randai bertujuan sebagai hiburan bagi menghilangkan rasa penat badan setelah penat bekerja membanting tulang sepanjang hari. Pada masa dahulu permainan ini diadakan setiap kali selepas menuai padi dan juga semasa pertandingan layang-layang.
- 4.2 Tetapi kini Randai dipersembahkan juga di majlis-majlis kenduri kendara seperti kenduri kahwin atau kenduri berkhatan disamping pertunjukan dalam majlis-majlis keramaian umum.
- 4.3 Randai mempunyai fungsi yang lebih mendalam daripada sebagai alat hiburan sahaja. Fungsi tersirat tersebut sebenarnya menggambarkan sistem nilai yang terdapat di dalam sistem Adat Perpatih iaitu nilai-nilai hidup bermuafakat jelas di dalam struktur permainan Randai tersebut.

5. Aspek-aspek muzik, tarian dan cerita dalam persembahan Randai.

5.1 Struktur Persembahan:

5.1.1. Buka Gelanggang.

Dalam persembahan Randai, pembukaan dimulai dengan memainkan muzik gelombang selama lebih kurang sepuluh minit. Muzik gelombang biasanya didahului dengan tiupan serunai 4 secara solo. Selesai tiupan serunai baharulah alat-alat lain seperti Caklempong, rebana dan gong dibunyikan. Muzik gelombang biasanya rancak dan menggirangkan, seolah-olah memberitahu dan memanggil orang ramai supaya datang menonton permainan Randai.

5.1.2. Isi Persembahan

Isi persembahan ini ialah segala bentuk persembahan seperti tarian, nyanyian ataupun cerita. Sekiranya tidak ada cerita yang hendak disampaikan/persembahkan, maka persembahan diteruskan dengan nyanyian dan tarian beramai-ramai dalam formasi lingkaran. Selepas tarian dan nyanyian beramai-ramai, penari akan duduk bersila dalam bulatan itu juga. Kemudian persembahan tari piring secara berpasangan akan dipersembahkan dalam bulatan tersebut. Biasanya terdapat muzik tertentu yang mengiringi persembahan ini. Sekiranya masa yang diperuntukan bagi persembahan ini panjang, ia diteruskan lagi dengan memperlihatkan pertarungan silat oleh sepasang penari di dalam bulatan tadi, juga diiringi dengan muzik yang dalam keadaan cemas.

5.1.3. Penutup

Muzik penutup biasanya sama dengan muzik pembukaan, cuma tiupan solo serunai tidak kedapatan pada bahagian penutup.

5.2 Aspek Muzik

5.2.1. Muzik mengambil dua pertiga dari keseluruhan persembahan jika dibandingkan dengan gerak-tari dan juga orang sebelum persembahan dimulakan muzik menjadi pembuka gelanggang. Disamping memberitahu dan memberi peluang kepada penonton mengambil tempat, muzik juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya apabila persembahan dimulakan. Jikalau terdapat cerita yang hendak dipersembahkan, muzik berperanan sebagai penyampai cerita kepada drama Randai yang dipersembahkan, juga muzik digunakan sebagai menyatakan perubahan tempat, waktu dan suasana melengkap dan mengiringi nyanyian serta tarian.

5.2.2. Diantara lagu-lagu yang terdapat dalam Randai adalah:—

- i. Si Bogar
- ii. Si Dumping
- iii. Si Kambang
- iv. Si Kandung
- v. Lun Lunai
- vi. Bengai Bujang Sembilan
- vii. Cantik Manis
- viii. Gagar Bacang
- ix. Tak Tung Tung Gelamai Jagung.

5.2.3 Berikut adalah pantun-pantun yang terdapat di dalam lagu-lagu Randai.

1. Apa direndang di kual
Padi si Radin (5)kuku balam
Jangan ditumpang untuk kami
Biduk(6) tirih (7) menanti karam.
2. Air serumpun di atas gunung
Ambil setulang (8) sebelabas
Jauh tampak dekat terlindung
Di mana kasihkan berlepas

-
5. Radin — Nama orang
 6. Biduk — Sampan
 7. Tirih — Bocor
 8. Setulang — Sebilah

3. Anak unga siamang putih
Mati bergelung dek sumpitan
Maliek (9) saja yang boleh
Bunga terapung di lautan
4. Orang menyabit di tengah sawah
Membawa nyiru jua tampian
Padang adik jaring lebah
Begitu kusut dek perhatian.
5. Mati bergantung dek sumpitan
Ba a dek kumbang melihatnya
Bunga terapu dek lautan
Ba a dek kami menariknya.
6. Air Jernih Tepian Sutan (10)
Belum diminum lepas haus
Adik Sutura kami marakan
Di manakan sama halusnya
7. Apung-apung di tengah laut
Nampak dari gudang garam
Kami sepantun limau hanyut
Belum tentu tempat dian.
8. Si Bagor (11) Jolong (12) bersusuk (13)
Labuh dikali nak rang rantai
Atap liang dinding dah lapuk
Apakan daya bilah lantai
9. Selasih di tepi tobek(14)
Sembilu pandan dan ladungan
Adik jauh abang pun jauh
Kalau rindu sama tanggungan
10. Air ditanam bertumbuh-bumbuh
Tumbuh di palek (15) Datuk Sati
Mati di dalam sama sungguh
Kering lautan kita nanti

9. Maliek — Melihat
10. Sutan — Gelaran
11. Bagor — Nama tempat di Minangkabau
12. Jolong — Mula

13. Bersusuk — di buka
14. Tobek — Kolam Ikan
15. Palek — Kebun

5.3 Gerak Tari

- 5.3.1 Tarian merupakan aspek persembahan yang terangkum dalam persembahan Randai. Terdapat berbagai jenis tarian/silat yang di persembahkan dalam Randai. Biasanya jenis-jenis Tarian tertentu oleh lagu-lagu yang mengiringinya serta keadaan tangan dan liak-liuk badan serta kaki. Terdapat juga gerak tari permulaan dikenali 'gelombang' bagi pembuka gelanggang. Jenis-jenis tarian yang dipersembahkan ialah Si-Damping, Lun Lunai, Si Bogar dan Si Kandung. Diantara tarian-tarian yang terdapat di dalam persembahan Randai tarian Si Damping adalah dianggap yang asli dan asal sekali.

5.4 Aspek Cerita Dalam Randai.

- 5.4.1 Cerita disampaikan melalui dendangan para pelakun terdiri dari penari-penari silat gelombang itu sendiri. Bentuk asal Randai sebenarnya bertolak dari tradisi 'Bakaba' iaitu menyampaikan cerita melalui dendangan unsur penceritaan adalah adanya si pencerita atau pendendang. Kekuatan bentuk Randai tidaklah hanya terletak pada pengajiannya sahaja tetapi juga pada ceritanya. Keadaan ini lebih ketara di Minangkabau di mana terdapat kecenderungan menamai sesebuah Kumpulan Randai dengan nama cerita-cerita popular, seperti Kumpulan Randai 'Anggun Nan'Tongga'. Cerita-cerita dari seperti cerita-cerita yang menampilkan kehidupan rakyat serta konflik nilai yang sering berlaku dalam masyarakat juga dipersembahkan. Kisah sejarah dan legenda yang terkenal masih dipersembahkan melalui Randai. Menurut keterangan seorang informan yang ditemui sebaik-baik kisah yang hendak disampaikan dalam Randai, biarlah bersifat kepahlawanan dan dramatik, kerana keadaan ini bersesuaian dengan gerak silat yang menjadi gerak pokok kepada tarian Randai.
- 5.4.2. Cerita Randai disampaikan dalam bentuk sistem arena. Alam sekali gus menjadi latar kepada pertunjukan latar pula dibangunkan melalui perkataan-perkataan yang didendangkan. Disamping penonton menyaksikan dalam pertunjukan Randai dalam bentuk melingkar, persembahan Randai juga disampaikan secara melingkar. Adegan-adegan akan disampaikan dalam lingkaran yang dibuat. Keadaan yang sama juga terdapat dalam permainan Mak Yong.
- 5.4.3 Apabila adegan selesai, para pelakun kembali masuk kedalam rantai lingkaran dan berkesempatan pula menjadi penari silat


gelombang dan juga sebagai pendendang. Lingkaran bertindak sebagai batas pemisah antara penonton dengan cerita yang dipersembahkan disamping menentukan perubahan tempat, waktu dan suasana, ini terjadi kerana setiap perubahan akan berputar. Begitu juga apabila selesai satu-satu babak yang dipersembahkan, pemain-pemain yang membentuk lingkaran akan bangun dan membuat gerakari berlegar atau berputar-putar dalam bentuk bulatan. Keadaan ini juga terdapat dalam persembahan Mak Yong.

6. Kesimpulannya

- 6.1 Randai merupakan satu bentuk kesenian tradisional rakyat Melayu Minangkabau. Kemasukkannya ke Malaysia khususnya ke Negeri Sembilan, bermula sejak abad Kelima Belas lagi iaitu sama dengan tarikh kemasukkan orang-orang Minangkabau kesini. Sebelum Perang Dunia Kedua, didapati Randai begitu popular sekali dikalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan terutama di kawasan Jelevu, Kuala Pilah dan Lenggeng. Kepopularan permainan ini dikawasan-kawasan itu merupakan kawasan tumpuan petempatan orang-orang Minangkabau dan didapati memang sesuai sekali kewujudan dan perkembangannya di situ. Randai membawa gaya persembahan dan nilai-nilai seni yang tersendiri yang melambangkan identiti masyarakat pemancarnya.
- 6.2 Randai pada suatu ketika dahulu memang popular di tempat-tempat seperti di atas tadi tetapi telah mengalami zaman kegelapan dan lenyap begitu sahaja. Sebaliknya Randai hanya diketahui oleh beberapa orang tua-tua sahaja tanpa dipersembahkan kepada umum.
- 6.3 Jika didalami persembahan Randai ini didapati tarian dan nyanyian itu hanya merupakan sebahagian daripada persembahan keseluruhannya. Sebenarnya Randai di Minangkabau lebih mementingkan unsur penceritaan kerana dari pelbagai cerita dan gaya cerita itu disampaikan dapat memikat hati penonton. Oleh itu Randai boleh dimasukkan kedalam kategori 'Penglipor Lara', 'Tok Selampit' ataupun 'Mak Yong' di Negara ini.
- 6.4 Kemasukkan arus pemodenan telah banyak memberi kesan kepada bentuk kesenian tradisional Randai. Kesan ini bukan sahaja kepada bentuk persembahannya malah pemain-pemain mereka kebanyakannya terdiri dari belia-belia belasan tahun yang masih bersekolah maupun yang telah bekerja. Dalam usia yang begitu muda mereka memang berminat kepada bentuk-bentuk hiburan moden. Mereka tetap berminat untuk mempelajari bentuk kesenian ini dan telah sanggup melupakan masa menghadiri latihan-latihan.

- 6.5 Kesungguhan yang telah diperlihatkan itu membuktikan kepada kita, walaupun tidak semua, telah ada kesedaran di kalangan belia-belia kita mahu menghidupkan kembali bentuk kesenian tradisional dan menghayati nilai-nilai kesenian yang tinggi dan asli yang terdapat dalam bentuk kesenian dermikian. Kesedaran ini dapat membatu usaha mengembangkan kembali persembahan Randai ini supaya dapat dinikmati oleh masyarakat Melayu kini dan juga masyarakat akan datang.

GAMBAR-GAMBAR RANDAI



Kakitangan ditarik kebelakang sambil membuka tangan kiri kedepan dan tangan kanan kebelakang, kemudian berlutut dengan lutut kiri hampir mencecah lantai/tanah.



Menunjukkan Randai dalam bentuk cerita/teater dipersembahkan oleh kumpulan PUTRASARI Rembau.